

PENGAYAAN 1 : MORFOLOGI SPM

Disediakan oleh Cikgu Rozita, SMK Mengkuang

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tujuh kata kerja** dan **tujuh kata pinjaman**. Kenal pasti jenis-jenis kata tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun perkataan tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangka kedudukannya. Perkataan yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat** anda sendiri bagi **enam perkataan** yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda **tidak boleh** menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Dalam bidang perubatan pula, penggunaan robot berupaya untuk mempercepat proses rawatan. Dalam bidang ini, robot membantu manusia untuk membuat analisis dan membuat diagnosis pelbagai jenis penyakit seperti pertumbuhan kanser. Robot juga berguna untuk membantu doktor menjalankan operasi pembedahan dalam bahagian tubuh manusia yang sensitif dan sukar dilakukan dengan tangan.

(20 markah)

Kata Kerja	Kata Pinjaman

Membina Ayat

1. Pegawai syarikat itu sedang membuat _____ dapatan kajian penggunaan mesin pensanitasi mini yang dijual di pasaran.
2. Suntikan steroid kepada pesakit Covid dapat _____ denyutan jantung mereka.
3. Anggota badan seperti mulut dan hidung merupakan organ yang _____ dan mudah dihidngapi virus Corona.
4. Doktor pakar itu telah menjalankan _____ penyakit yang dihidapi oleh Tuan Musa.
5. Kita perlu _____ mereka yang mempunyai masalah semasa pandemik Covid 19 ini.
6. Pihak Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa _____ pemulihan bagi pesakit Covid akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan.